

23 AUG 2000

Buku-Pengurusan

PENYERAHAN PENGURUSAN KAMPUNG BUKU MALAYSIA DISAMBUT BAIK

LANGKAWI, 23 Ogos (Bernama) -- Langkah kerajaan negeri menyerahkan pengurusan Kampung Buku Malaysia kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) merupakan perkembangan baik ke arah meningkatkan kemudahan di situ.

Pengurus Kampung Buku Malaysia Langkawi Hashim Ismail berkata keputusan itu amat tepat kerana Lada mempunyai peruntukan untuk mempromosikan KBM yang pertama di Asia Tenggara dan ketujuh di dunia kepada pelancong.

Ketika ditemui pemberita di sini, Hashim berkata beliau percaya dengan langkah itu rancangan KBM menambah koleksi buku dan menyediakan pondok perhentian teksi dapat dilaksanakan.

Isnin lepas, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata Lembaga Pengarah Lada bersetuju untuk mengambilalih pengurusan Kampung Buku Malaysia di Ulu Melaka daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dalam usaha meningkatkan mutu pentadbiran KBM.

KBM yang dibina di tengah-tengah kawasan hutan lipur dengan keindahan air terjun dan kawasan rekreasi, merupakan cetusan idea bekas Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Hashim berkata keunikan senibina KBM telah mendapat pujian daripada Pengasas Bredevoort Booktown di Belanda, Henk Ruissink dan pengasas Redu Book Village Belgium, Noel Anselot.

Kampung Buku Malaysia telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir pada Dis 1997.

KBM mempunyai enam rumah dengan senibina tradisional Melayu yang diduduki lapan syarikat buku terkemuka termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Darul Fikri yang menyediakan 60,000 tajuk buku baru dan terpakai.

Hashim berkata KBM juga sedang menyusun kegiatan untuk menarik pengunjung ke situ seperti Kejohanan Catur Antarabangsa Langkawi pada 7 Sept yang dijangka menarik penyertaan 120 peserta dari dalam dan luar negeri.

Beliau juga berkata Rumah Pok Rafeah di KBM menjadi tumpuan pelancong asing yang berkunjung ke Langkawi untuk membeli pelbagai jenis judul buku termasuk mengenai tokoh pemimpin negara.

-- BERNAMA

NH FAZ